



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

27 JUN 2022 (ISNIN)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

27 JUN 2022 (ISNIN)

ANTARA CADANGAN DIPERTIMBANG KEKANG KETIRISAN

Guna app kawal barang subsidi

Kuching

Penggunaan aplikasi telefon pintar untuk merekodkan pembelian barang kawalan merupakan antara kaedah yang dicadangkan untuk mengawal ketat agihan barang bersubsidi, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau berkata, kerajaan masih meneliti kaedah terbaik dan beberapa syor disuarakan sebagai langkah mengekang ketirisan berkaian pembelian barang itu secara borong termasuk minyak masak kampit satu kilogram (kg) di pasaran.

"Kita tetapkan dua paket (minyak masak kampit) untuk seorang, tapi ada antara pengguna selepas buat pembelian, mereka pergi ke kedai lain dan beli lagi. Kita sedar itu berlaku."

"Mungkin boleh pakai aplikasi nanti jadi kalau pengguna nak beli fagi di kedai lain, aplikasi itu tidak akan benarkan. Ini bukan untuk minyak masak sahaja, tapi barangansubsidi yang lain," katanya selepas melawat kilang pembungkusan minyak masak di sini, kelmarin.

Nanta turut memberi amaran kepada pemain industri untuk tidak terbebas dalam aktiviti penyelewengan barang bersubsidi dan beliau tidak teragak-agak menggantung permit syarikat sekiranya diciptati bersalah.

Turut hadir dalam lawatan itu Timbalan Pengarah Kementerian Perdagangan



NANTA (dua dari kanan) meninjau minyak masak paket bersubsidi satu kilogram di sebuah kilang pembungkusan di Kuching.

dalam Undangan Negeri Kota Senn-tosa Wilfred Yap Yau Sin. Sementara itu, dalam si-

saran, tertumpu kepada penguatkuasaan untuk memastikan peniaga mematuhi harga siling ayam yang ditetapkan.

Katanya, sesi libat urus bersama penggiat industri ternakan ayam serta pega-

wai kanan kementeriannya dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), diadakan pagi kelmarin bagi membincangkan isu berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini mengumumkan harga ayam di pasaran tidak akan diapungkan dalam usaha memastikan rakyat tidak terbebani.

Dalam pada itu, dalam kenyataan media kelmarin Nanta memaklumkan tiada sebarang aduan dan kesalahan mengenai kegiatan sorok barang kawalan dicatatkan di Sarawak sepanjang pelaksanaan Kempen Anti Sorok 2022 dari Januari hingga 18 Jun lepas.

Beliau turut memberitahu bekalan minyak masak kampit di negeri itu mencukupi setakat ini dan kekurangan di beberapa premis adalah bersifat sementara.



Kalau ayam dijual mahal, peniaga bimbang tidak laku

Tidak sampai RM15 sekilogram

Oleh ZAID MOHD. NOOR
zaid.noor@mediamulia.com.my

HULU TERENGGANU: Kerajaan memberi jaminan harga siling ayam segar baharu yang akan mula berkuat kuasa pada 1 Julai ini tidak akan mencapai RM15 sekilogram.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, penepatan harga siling baharu itu dibuat berdasarkan prinsip 'menang-menang' bagi pihak pengguna dan pemain industri ayam.

Beliau berkata, harga ayam yang dicadangkan oleh pemain industri sekiranya sistem pengapungan dilaksanakan antara RM11 hingga RM15 sekilogram.

"Begitupun, berdasarkan konsep penawaran dan permintaan, kalau jual-mahal sangat, barang (ayam) itu mungkin tidak laku.

"Sehubungan itu, saya boleh beri jaminan harga (siling baharu) ayam tidak akan sampai RM15 sekilogram," katanya.

Beliau berkata demikian ke-



KERAJAAN memberi jaminan harga siling ayam tidak akan mencecah RM15 sekilogram.

tika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Imam dan Bilal Masjid-Masjid Mukim Hulu Terengganu di sini,

semalam.

Rosol yang juga ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, berdasarkan advokasi dengan

pemain industri baru-baru ini, harga siling baharu ayam diramal berada di bawah RM11 sekilogram. Beliau berkata, ke-

naikan harga siling baharu itu tidak dapat dielakkan berbanding harga siling lama, RM8.90 sekilogram berikutkan pemain industri tidak mampu lagi menanggung kos dedak, pengangkutan dan tukaran wang asing.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, kerajaan memutuskan untuk menarik balik cadangan mengapungkan harga ayam sebelum ini setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak.

"Jadi, setelah dibincang secara insentif bersama menteri-menteri, ahli akademik dan masyarakat, maka kerajaan mencadangkan diadakan balik harga siling ayam," katanya.

Peniaga menjangkakan harga ayam boleh melonjak sehingga RM15 sekilogram selepas 1 Julai ini berikutan penamatkan subsidi perternakan oleh kerajaan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob pada Jumaat lalu memutuskan tidak melaksanakan cadangan mengapung harga ayam sebaliknya meneruskan sistem harga siling.

Harga siling ayam dijamin tak lebih RM15 sekilogram

Kuala Berang: Kerajaan memberi jaminan harga siling baharu ayam yang akan diumumkan kelak, tidak akan melebihi RM15 sekilogram seperti didakwa seorang pihak sebelum ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan pengguna dan kelangsungan perniaga secara seimbang dalam membuat penetapan harga itu.

Susulan itu, katanya, harga siling baharu itu selak dilihat sebagai situasi siling menguntungkan antara pengguna dan penggerak industri ternakan terbaik.

"Memang akan berlaku sedikit peningkatan berbanding harga siling sebelum ini, iaitu RM8.90 sekilogram kerana kita mengambil kira lonjakan kos dialami penternak."

"Bagaimanapun, harga baharu kelak masih mampu dibeli pengguna kerana jika mahal, sudah tentu permintaan berkurangan.

"Penggerak industri menyedari hal ini dan bagi memastikan situasi siling menguntungkan, kerajaan akan memastikan harga siling ayam tidak membebani

kan pengguna," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Iman dan Bilal Daerah Hulu Terengganu di sini, semalam.

Rosol berkata, KPDNHEP dalam proses melengkapkan siasatan membabitkan isu caj sampling seperti caj menangkap ayam di ladang, pemotongan dan sebagainya.

Menyentuh bekalan minyak masak paket satu kilogram, beliau berkata, kuota ketika ini ialah 60,000 tan sebulan dan kerajaan menyedari permintaan semakin meningkat susulankenaikan harga minyak masak botol antara RM7 hingga RM8 setiap kilogram.

"Kita sudah memohon kuota tambahan 10,000 tan daripada Kementerian Kewangan bagi memenuhi keperluan, namun keputusan bergantung kepada kementerian berkenaan," katanya.

Memang akan berlaku sedikit peningkatan berbanding harga siling sebelum ini

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri
Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna



Peniaga ayam melayan pelanggan di Pasar Datuk Keramat, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Fathil Asri/BH)

Harga baharu ayam ambil kira kepentingan semua pihak - Rosol

KUALA BERANG - Harga maksimum baharu ayam yang diumumkan pada Isnin, telah mengambil kira kepentingan pengguna dan golongan peniaga



secara seimbang.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, meskipun terdapat kemungkinan berlaku sedikit keralkan, ia dilihat sebagai situasi menang-menang antara pengguna dan pemain industri temakan.

"KPDNHEP melalui anggota penguatuasannya sentiasa menjalankan pemantauan bagi memastikan keberadaan bekalan dan kestabilan harga ayam di pasaran," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Imam Bilal Mukim Cawangan Hulu Terengganu Kali Ke-15 di sini pada Ahad.

Menurut Rosol, pihaknya juga sedang menjalankan siasatan berhubung se-

gelintir pantenak, pemborong dan peruncit mengenakan caj tambahan termasuk upah langkap, upah potong dan kos plastik sehingga membebani pengguna.

Katanya, pihak berkenaan mendakwa terpaksa mengepakkan caj tambahan itu bagi memastikan kelangsungan perniagaan disebabkan pelbagai kos lain yang terpaksa ditambah pada masa ini.

"Bagaimanapun kita akan siasat lebih lanjut dan tengok daripada beberapa sudut untuk pastikan kebenaran dakwaan mereka," katanya.

Dalam pada itu, Rosol berkata, pihaknya juga sedia maklum dengan kekurang-



ROSOL

an minyak peket satu kilogram (kg) di pasaran dan KPDNHEP telah memohon kepada Kementerian Kewangan untuk menambah kuota minyak peket tersebut bagi mengatasmasalah berkenaan.

"Sekarang ini kerajaan bekalkan 60,000 tan minyak masak bersubsidi sebulan dan kita minta tambahan lagi 10,000 tan sebulan untuk atas mas-

lah rakyat."

"Bagaimanapun ia bergantung kepada kemampuan kewangan negara. Kita harap Kementerian Kewangan akan lihat dengan terperinci permohonan berkenaan," katanya. - Bernama



HARI : ISNIN
TARIKH : 27/06/2022
M/SURAT : 26

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Harga siling baharu bagi ayam segar yang akan diumumkan mengambil kira kepentingan pengguna dan kelangsungan peniaga secara seimbang.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata, harga siling baharu itu dilihat sebagai situasi menang-menang antara pengguna dan pemain industri ternakan terbabit.

Menurutnya, kerajaan memberi jaminan harga siling baharu ayam tidak akan mencecah RM15 sekilogram seperti yang diperkatakan sesetengah pihak sebelum ini.

"Memang akan berlaku sedikit peningkatan daripada harga siling sebelum ini iaitu RM8.90 kerana turut mengambil kira lonjakan kos dialami penternak, namun harga baru akan di-

HARGA SILING BAHARU AYAM

Tidak sampai RM15 sekilo



Oleh itu bagi memastikan situasi menang-menang, kita (kerajaan) akan memastikan harga siling baharu ayam tidak membebankan pengguna".

Rosol Wahid

umum kelak masih mampu dibeli pengguna.

"Kalau harga mahal..tentu permintaan akan kurang dan pemain industri menyedari hal berkenaan. Oleh itu bagi memastikan situasi

menang-menang, kita (kerajaan) akan memastikan harga siling baharu ayam tidak membebankan pengguna.

"Alasan mereka (pembekal) iaitu pelbagai kos bahan mentah antaranya makanan ayam dan pengangkutan," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agong Persatuan Iman dan Bilal Daeerah Hulu Terengganu di sini, semalam.

Menurutnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kini dalam proses melengkapkan siasatan membabitkan isu caj sampingan antaranya caj menangkap ayam di ladang pemotongan dan sebagainya.

Mengulas mengenai minyak paket satu kilogram, beliau berkata, buat masa ini kuota minyak masak paket adalah sebanyak 60,000 metrik tan sebulan.

Menurutnya, kerajaan menyedari permintaan terhadap minyak paket semakin bertambah berikutan harta minyak botol berlaku kenaikan harga antara RM7 hingga RM8 bagi setiap kilogram.

Katanya, pihaknya kini memohon kepada Kementerian Kewangan untuk kuota tambahan sebanyak 10,000 metrik tan bagi memenuhi pasaran dan keperluan, namun sebarang keputusan bergantung kepada pihak berkenaan.



PEKERJA menambah stok ayam yang berharga RM9.90 sekilogram di ST Rosyam Mart Seksyen 14, Shah Alam baru-baru ini. - AFIQ RAZALI

Harga ternakan itu dijangka bawah RM11 sekilogram

'Tak mungkin ayam jadi RM15 sekilogram'

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

HULU TERENGGANU – Kerajaan memberi jaminan harga siling ayam baharu yang akan berkutu kuasa 1 Julai ini tidak akan mencapai RM15 sekilogram.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, penentuan harga siling baharu itu akan dilakukan berdasarkan prinsip menang-menang bagi pihak pengguna dan pemain industri ayam.

"Sekiranya sistem pengapungan diteruskan, harga ayam yang

dicadang pemain industri antara RM11 hingga RM15 sekilogram."

"Begitupun, berdasarkan konsep penawaran dan permintaan, kalau jual mahal sangat, barang (ayam) itu mungkin tidak laku.

"Sehubungan itu, saya boleh beri jaminan harga (siling baharu) ayam tidak akan sampai RM15 sekilogram," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Rosol berkata, berdasarkan advokasi dengan pemain industri baru-baru ini, harga siling baharu ayam diramal berada di bawah RM11 sekilogram.

Jelasnya, kenaikan berban-

ding harga siling lama, RM8.90 sekilogram itu tidak dapat dielakkan berikutan pemain industri tidak mampu lagi menanggung kos dedak, pengangkutan dan tukaran wang asing.

Ujarnya, kerajaan memutuskan untuk menarik balik cadangan mengapungkan harga ayam sebelum ini setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak.

"Jadi setelah dibincang secara insentif bersama menteri-menteri, ahli akademik dan masyarakat, maka kerajaan mendadangkan diadakan balik harga siling ayam," katanya.

Tambah 10,000 tan atasi isu kekurangan minyak masak



PENIAGA kedai runcit meletakkan notis kehabisan minyak masak peket di Flat Jalan Kedah, George Town baru-baru ini.

HULU TERENGGANU – Kuota tambahan 10,000 tan metrik minyak masak peket bersubsidi dicadang di pasaran bagi mengatasi kekurangan bekalannya.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, permohonan itu telah dibuat kementeriannya kepada Kementerian Kewangan baru-baru ini. Beliau memberitahu, kekurangan itu sudah diramal memandangkan minyak masak bersubsidi berharga RM2.50 tersebut kini menjadi pilihan utama pengguna disebabkan kenaikan harga

minyak masak botol.

Katanya, ia menyebabkan 60,000 tan metrik minyak masak peket bersubsidi yang telah diperuntukkan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan.

"Kita (KPDNHEP) minta lagi tambahan 10,000 tan metrik minyak masak peket untuk atasi masalah ini."

"Begini pun, permohonan tersebut bergantung kepada kelulusan Kementerian Kewangan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu beliau ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Imam dan Bl-

lai Masjid-Masjid Mukim Hulu Terengganu.

Rosol berkata, Kementerian Kewangan difahamkan akan mengadakan pertemuan dengan pemain industri minyak masak bagi membincangkan perkara itu dalam masa terdekat.

Kosmo! Jumaat lalu melaporkan, pengguna mengeluh kesukaran untuk mencari minyak masak peket bersubsidi di pasaran.

Kekurangan bekalan itu diperdayai berpunca daripada pembelian panik pengguna akibat penarikan semula subsidi minyak masak botol berkuat kuasa 1 Julai depan.

HARI : ISNIN
TARIKH : 27/06/2022
M/SURAT : 2



Enforcement personnel constantly conduct checks to monitor chicken supply and prices. — BERNAMAPIX

'New chicken price will bring win-win situation'

KUALA BERANG: The new maximum price for chicken, which will be announced today, takes into account the interests of consumers and traders, said Domestic Trade and Consumer Affairs Deputy Minister Datuk Rosol Wahid.

He added that although there was a possibility of a slight increase in the new maximum price, it was a win-win situation between consumers and players in the livestock industry.

"The ministry's enforcement personnel always conducts checks to monitor chicken supply in the market and stability of its price," he said after opening the 15th general meeting of the Hulu Terengganu branch at Persatuan Imarn Bilal Mukim yesterday.

Rosol said the ministry was also investigating claims of some breeders, wholesalers and retailers imposing additional charges for cutting chicken and plastic costs

on consumers.

Separately, he said the ministry is aware of the shortage of 1kg packet cooking oil in the market, and that the ministry had applied to the Finance Ministry to increase the quota to overcome the problem.

"Currently, the government supplies 60,000 tonnes of subsidised cooking oil a month and we are asking for an additional 10,000 tonnes a month to solve the people's problems." — Bernama

LETTERS letters@thesundaily.com

Look beyond prejudices concerning govt subsidies

MALAYS have a word that I feel has no English equivalent. It's *melenting*. The closest translation I can think of is probably "aroused to anger", but that doesn't quite capture the spirit and nuances associated with the word.

While this is a Malay word, the trait is not confined to the community.

I dare venture to say that of late, Malaysians as a whole are quick to get worked up over baseless and senseless issues.

Take the recent announcement about the removal of subsidies for chicken, chicken eggs and bottled cooking oil.

Acting on impulse, the Malays, Chinese, Indians and other communities were quick to *meroyan* (whine or kick up a fuss), especially on their social media based on half-truths, if not total lies.

Let's examine the issue. Earlier this week, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry announced the removal of subsidies for bottled cooking oil, chicken and chicken eggs starting July 1.

For Malaysians, when they see the words "subsidy removal", especially at a time when the economy is still chugging along, it triggers their *melenting* mechanism.

No thanks to agent provocateurs taking advantage of the situation, Malaysians were quick to accuse the government of being insensitive and detached from reality.

Now here's the reality: the government has allocated RM4 billion in subsidy for cooking oil this year, more than the RM2.2 billion for last year and RM500 million for 2020.

Which part of the government is being insensitive, especially to the poor?

The government only removed subsidies for cooking oil in bottles of 2kg, 3kg and 5kg only. The subsidy for cooking oil in 1kg polybag packages remains.

The subsidy for bottled cooking oil was only introduced in August 2021 and meant to last for three months only but it has been dragged to 10 months now.

Does that sound like a cruel government to you?

As for the removal of subsidies for chicken and chicken eggs, this is to ensure adequate food supply in the market and stabilise prices in the long run.

Any economist can tell you that prolonged, massive subsidies are inefficient.

It does not make sense for the T20 to enjoy equal if not more subsidies than the B40 group.

This is why the government decided to increase the Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) cash handout to the B40 groups.

Households under the category will be given an additional RM100 while unmarried youth stand to pocket an extra RM500.

This brings the total BKM payout that households can get this year to be as high as RM2,500.

Pray tell, how can the government be accused of not helping the poor?

To me, the problem boils down to our propensity to let our own biases cloud our judgements.

How many of us actually read beyond the "Cooking oil subsidies removed" headlines?

We get a kick from complaining about a worldview that fits our biases and prejudices, even if they were distorted versions of reality.

We love to *melenting* and *meroyan*. And that is doing the country a huge disservice.

**Firdaus Abdul Rahman
Gombak**

RM93,350 berasap!

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan sebanyak 335 notis kepada individu dan pemilik premis atas pelbagai kesalahan merokok membabitkan kompaun berjumlah RM93,350.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit KKM Datuk Dr Norhayati Rusli berkata, kompaun mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 itu dikeluarkan menerusi operasi bersepadan penguasaan tembakau dan hasil tembakau ke atas 263 premis yang diperiksa di sekitar ibu negara, malam kelmarin.

Beliau berkata, daripada jumlah berkenaan, 284 notis dikeluarkan bagi kesalahan pelanggaran peraturan 11(1) PPKHT iaitu kesalahan merokok di kawasan larangan dan 28 notis dikeluarkan di bawah Peraturan 12(1)(b) terhadap pemilik atau penghuni premis yang gagal memastikan tiada kegiatan merokok di dalam premis.

"Selain itu, 14 notis kompaun dikeluarkan terhadap

335 notis dikeluarkan atas pelbagai kesalahan babitkan rokok dalam operasi bersepadan di KL



DR Norhayati (kanan) menyertai operasi bersepadan yang berlangsung selama lima jam bermula 6 petang dengan disertai 220 anggota.

Gambar NSTP/GENES GULITAH

tuan premis yang tidak memperkenankan papan tanda larangan merokok manakala tujuh notis lain ialah membabitkan larangan merokok terhadap orang belum dewasa serta masing-masing satu notis

kegagalan mempermohonkan larangan jualan tembakau kepada bawah umur dan jualan tembakau tanpa amaran kesihatan bergambar," kata Dr Norhayati.

Operasi bersepadan itu

“
263 premis
diperiksa di sekitar
ibu negara, malam
kelmarin
Dr Norhayati

berlangsung selama kira-kira lima jam bermula 6 petang disertai 220 anggota daripada KKM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sementara itu, Dr Norhayati berkata, dalam operasi berkenaan, sebanyak 20 karton rokok dan 156 peket rokok tidak bercukai dirampas kastam di bawah Seksyen 135 (1)(a) Akta Kastam 1967 manakala KPDNHEP merampas sebanyak 147 peket rokok tiruan bagi kesalahan dagangan palsu di bawah Seksyen 5, Akta Peribah Dagangan 2011.

"Selain itu, DBKL juga turut mengeluarkan dua notis kompaun bagi kesalahan mengambil atau menggaji pekerja warga asing tanpa permit kerja yang sah dan satu notis kompaun kerana berniaga tanpa lesen," katanya.

Dalam operasi,
sebanyak 20
karton rokok
dan 156 peket
rokok tidak
bercukai
dirampas
kastam.

284 individu merokok dikompaun

Notis kesalahan dikeluarkan kerana merokok di premis makanan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAL
 KUALA LUMPUR

Sebanyak 284 notis kesalahan, membabitkan nilai kompaun RM71,000 dikeluarkan kepada individu yang dikesan merokok di premis makanan dalam operasi bersepadu di sekitar ibu kota pada Sabtu.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Norhayati Rusli berkata, sebanyak 263 premis makanan dan menjual rokok diperiksa separjang operasi bersepadu di sekitar Chow Kit dan Kampung Baru pada jam 6 petang.

Menurutnya, dalam operasi itu, seramai 284 pelanggan menerima notis kesalahan mengikut Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

"Sebanyak 14 notis membabitkan nilai kompaun RM 7,000 dikeluarkan kepada pemilik premis mengikut Peraturan 12(1)(a) PPKHT 2004 kerana tidak memamerkan tanda larangan merokok.

"Kita turut mengeluarkan 28 notis membabitkan nilai kompaun RM14,000 mengikut Peraturan 12(1)(b) PPKHT 2004," katanya pada sidang akhbar



Premis yang menjual rokok di sekitar ibu kota turut diperiksa dalam operasi bersepadu pada Sabtu.

selepas menghadiri operasi bersepadu di sini pada Ahad.

Norhayati berkata, operasi itu dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Secara keseluruhan sebanyak 147 paket rokok dirampas KPDNHEP dengan nilai rampasan RM1,040 di bawah Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 mengenai kesalahan dagangan palsu.

"Jabatan Kastam Diraja Malaysia pula merampas sebanyak 20 karton rokok dan 156 peket rokok mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 kerana menyimpan dan memiliki rokok tidak sah," katanya.

Norhayati berkata, pihaknya sangat komited dalam memastikan isu merokok dalam kalangan rakyat Malaysia diberi perhatian yang serius.

"Peralihan ke fasa endemik merupakan fasa yang penting kerana merokok merupakan salah satu faktor utama yang akan menyebabkan komplikasi yang teruk sekiranya dijangkiti Covid-19," katanya.

335 notices issued over smoking ban

KUALA LUMPUR: A total of 335 compound notices, involving RM93,350, were issued by the Health Ministry to individuals and premises owners for various offences under the smoking ban in an integrated operation during checks at 263 premises in the city on Saturday night.

The ministry's Disease Control Division director Datuk Dr Norhayati Rusli said the compound notices were issued for offences under the Control of Tobacco Products Regulations 2004, with 284 notices issued to individuals for smoking in prohibited areas and 28 issued to premises owners for failing to ensure customers do not smoke on the property.

"Fourteen compound notices were issued to premises owners for failing to display a 'no smoking' sign, seven notices involved minors and two were against premises owners for failing to display a sign banning the sale of cigarettes to minors and for selling cigarette boxes without the pictorial health warning."

The five-hour operation involved 220 personnel from the Health Ministry, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, Customs Department and Kuala Lumpur City Hall as well as police.

During the operation, Customs personnel also seized cigarettes that are believed to have been smuggled into the country, while the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry seized 147 packets of cigarettes under Section 5 of the Trade Description Act 2011.

Kuala Lumpur City Hall enforcement officers also issued notices for offences involving the employment of foreign workers without valid work permits and for operating a business without a licence. — Bernama

No provision was made for the advancement of foreign workers. Malaysia has been accused of being a haven for foreign workers. — Bernama

Which part of the government is being insensitive, especially to the poor?

The government only removed subsidies for

e problem boils down to our propensity to let our biases cloud our judgment.

Many of us actually believe that the "Cooking oil has been removed".

We get a kick from complaining about a worldview that fits our biases and prejudices, even if they were distorted versions of reality.

We love to *melenting* and *mesyan*. And that is doing the country a huge disservice.

Firdaus Abdul Rahman
Gombak

UiTM anjur program kepenggunaan

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
bhpendidikan@bh.com.my

Tampin: Tidak semua orang mahu ilmu kepenggunaan justeru menjadi tugas pelajar universiti untuk turun padang berkongsi maklumat sedemikian kepada umum.

Dalam hal itu, seramai 62 pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seremban 3 dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan mendekati komuniti setempat di Surau Al Jannah, Taman Gunung Mas 1 di sini, minggu lalu menerusi program Kembara Kepenggunaan Santuni Komuniti.

Pengarah Program, Muhammad Akhyar Ridzuwan, berkata fokus utama program itu bagi memberi pendedahan dan pendidikan kepada masyarakat berkaitan hak dan ilmu kepenggunaan.

Katanya, kesan daripada kurangnya ilmu mengenai pengguna-

menyebabkan ramai yang menjadi mangsa sindiket selain penipuan ketika membeli barang. Malah apabila hal itu berlaku, mereka tidak tahu di mana hendak mengadu atau mendapatkan kembali hak mereka.

"Kami menyasarkan program ini kepada semua lapisan masyarakat selain itu menekankan kesedaran pentingnya ilmu kepenggunaan diajar sejak di sekolah rendah.

"Program ini turut menyelit-

kan ceramah kepenggunaan yang disampaikan wakil KPDNHEP dan ia turut membabitkan pelajar sekolah kawasan berhampiran," katanya.

Tegasnya, program sedemikian adalah pertama kali dianjurkan dan ia turut menyelitkan beberapa acara permainan tradisional seperti galah panjang, timbang takraw, isi air dalam botol dan acara lain seperti anyam ketupat, pertandingan mewarna, cari menantu dan boling kelapa.



Sebahagian pelajar yang terbabit dalam program berkenaan diketuai Muhammad Akhyar Ridzuwan.



Sebahagian acara yang diadakan bagi memeriahkan lagi Kembara Kepenggunaan Santuni Komuniti.
(Foto Abnor Hamizam Abd Manap/BH)

HARI : ISNIN
TARIKH : 27/06/2022
M/SURAT : 16

		Senarai Harga Barang Keperluan	
Ayam	RM8.90	Telur Gred A	RM12.60
Daging Lembu Tempatan	RM42.99	Ikan Kembung	RM14.50
Daging Lembu Import	RM53.90	Minyak Masak	RM6.50
Gula Pasir	RM2.85	Bawang Besar Holland	RM3.50
Bawang Putih	RM5	Cili Merah	RM12
Kubis Tempatan	RM3.90	Tepung Gandum	RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

27 JUN 2022 (ISNIN)

BY LEE WENG KHUEN

Taking centre stage this week is the Malaysia Competition Commission's (MyCC) findings on its investigation into allegations of anti-competitive conduct in the poultry industry.

Bernama quoted Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi as saying that a special team set up by MyCC would present its findings on Monday. A decision will be made by the members of the commission whether Section 4 of the Competition Act 2010 was violated.

Last Tuesday, the government removed the price ceiling for chicken and chicken eggs to ensure adequate food supply in the market and to stabilise prices in the longer term.

However, it made a u-turn last Friday, saying that a new price ceiling for chicken would be introduced to fight rising costs of living. The maximum retail price for chicken was set at RM8.90 per kg prior to the removal of the price ceiling.

The Department of Statistics Malaysia is scheduled to release the Domestic Tourism

MyCC chicken cartel findings, new price ceiling for chicken in spotlight

Survey for 2021 on Thursday. Domestic tourism in Malaysia declined significantly in 2020 with visitor arrivals and total expenditure falling 44.9% and 60.8% respectively from 2019.

On the same day, **Bank Negara Malaysia** will release the monthly highlights and statistics for May.

In regional markets, **Vietnam** is likely to be the first Asian economy to release its 2Q gross domestic product (GDP) data on Wednesday. UOB Global Economics & Markets Research estimates growth of 6% year on year, against 5.03% in 1Q.

Other key releases are **China's** May industrial profits (June 27) and June official manufacturing and non-manufacturing Purchasing Managers' Index (PMI) (June 30), as well as **South Korea's** June trade data (July 1).

The **Organization of the Petroleum Exporting Countries** will hold the 30th OPEC and non-OPEC Ministerial Meeting on Thursday via video conference. UOB Global Economics & Markets Research has low expectations of any change from its gradual increase in production.

Hong Kong will swear in its new Chief Executive John Lee, who was the sole candidate in the May election. While there is no official confirmation, Chinese President Xi Jinping may visit Hong Kong on Friday and deliver a speech.

Following the conclusion of the **EU Leaders' summit** on Friday (June 24), UOB says attention will turn to the **G7 Leaders' Summit**, which will convene in Schloss Elmau, Krün, Bavarian Alps, Germany, from June 26 to 28. It will be followed by the **Nato Summit** in Madrid, Spain,

on June 29 and 30. The events are likely a key test of the Western allies' continued support of Ukraine against Russia, and will demonstrate unity despite the increasing stress endured by their economies, especially in the energy sector.

Over at the courts, the hearing of the **defence testimony by Umno president Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi** will resume on Monday through Thursday before High Court judge Datuk Collin Lawrence Sequerah. Ahmad Zahid faces 47 criminal breach of trust, graft and money laundering charges.

An application by **former Treasury secretary-general Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah** to strike out a **US\$6.59 billion suit by 1Malaysia Development Bhd (IMDB)** against him and the company's former president Arul

Kanda Kandasamy is likely to be heard on Monday.

On Sunday, the **Johor Baru sessions court** will deliver its verdict on the fraud case of **former Johor executive council member Datuk Abd Latif Bandi** over 37 corruption and money laundering charges involving more than RM30 million.

On the corporate front, companies that will be holding annual general meetings include **Jiankun International Bhd, Pertama Digital Bhd and OCK Group Bhd** (June 27), **LFE Corp Bhd, KPJ Healthcare Bhd and Velesto Energy Bhd** (June 28), **TSII Resources Bhd** and **AEON Credit Service (M) Bhd** (June 29), **Mah Sing Group Bhd** (June 30) as well as **Fitters Diversified Bhd** (July 1).

The local bourse is set to welcome a new member — **CC International Bhd** — which will be listed on the **LEAP Market** on Tuesday at an issue price of 26 sen per share. The group is expected to raise RM10 million for business expansion and working capital for its multidisciplinary professional business services, namely accounting and business service outsourcing, tax, corporate secretarial, business consultancy and wealth management services.